

# Negara akan terjajah melalui import beras

UM-12/1/2007

APABILA membaca tentang pengimportan beras dari Amerika Syarikat (AS), berasa menggigil tubuh badan saya. Adakah ketika negara menyambut Hari Kemerdekaan ke-50 ini, beras yang jauh lebih murah dari AS akan dijual di sini?

Adakah ia sebagai petanda penjajahan baru sedang berlaku?

Tentunya sentimen saya tersentuh apabila menyebut AS. Mana tidaknya, bukan saja AS telah menggantung Saddam Hussein, tetapi menambah anggota tenteranya di Iraq.

Bukan itu saja, AS telah pun menyerang kampung-kampung Somalia atas dakwaannya bahawa Islamis di sana menyembunyikan pengganas Al-Qaeda. Si-apakah Islamis itu kalau tidak pejuang Islam.

Maka teringat saya bagaimana kini Rusia tidak boleh berbuat apa-apa untuk menentang AS kerana mereka bergantung kepada gandum kuasa besar itu.

Kuasa besar yang pernah mencabar AS dan berjaya mendahuluinya dalam perlumbaan ke angkasa kini menjadi begitu lemah kerana mereka bergantung pada gandum yang diimport.

Ia bermula sejak Rusia berada di Kesatuan Soviet lagi. Oleh kerana sistem komunis yang tidak efisien, maka berlakulah kekurangan bekalan gandum apabila tanamannya tidak menjadi.

Pada masa itulah AS menawarkan be-

kalan gandum, tentunya dengan beryarat. Akhirnya Soviet terikat dan perkara ini menyumbang kepada kejatuhannya dan kini Moscow tidak berupaya untuk mencabar, apatah lagi menentang AS.

Bagaimanakah AS boleh mengeluarkan bukan saja gandum tetapi banyak lagi hasil pertanianya jauh daripada keperluanannya?

Kerajaan AS memberi bantuan dan subsidi kepada petani dan peladangnya. Bilangan mereka tidak ramai tetapi kaya-kaya. Dengan menggunakan teknologi dan kini kejuruteraan genetik, hasilan AS jauh lebih bermutu dan berproduktiviti tinggi, dan ia mampu dieksport secara besar-besaran ke luar negara.

Keadaan ini dapat dilakukan kerana AS adalah sebuah negara besar berbentuk benua dan boleh mewujudkan ladang yang luas berekar-ekar.

Bagaimanakah mereka dapat ladang-ladang yang begitu luas? Dengan senjata yang jauh lebih canggih daripada kaum peribumi Amerika yang dahulu dikenali sebagai Red Indian, orang keturunan Eropah itu telah menakluki negara-negara mereka dan merampas tanah-tanahnya.

Maka hutan dan padang rumput yang luas telah ditukar menjadi ladang-ladang tanpa mengira kesan alam sekitar. Tentunya pada masa ini membersihkan hutan untuk dijadikan ladang akan dituduh

sebagai pengganggu alam sekitar. Tetapi itulah yang dilakukan oleh orang Amerika.

Satu lagi faktor yang membawa kejayaan pertanian AS ialah sistem perhambaan. Hamba-hamba yang dibawa secara paksa dari Afrika menjadi tonggak kepada sistem pertanian AS.

Setelah sistem, perhambaan ini dihapuskan, mereka bertukar menjadi pekerja ladang. Untuk mendapatkan buruh yang lebih murah, mereka membawa masuk pendatang-pendatang dari Mexico.

Modal termasuk subsidi bagi menggerakkan sektor pertanian ini datang dari industri AS. Untuk memelihara keutuhan sektor ini, mereka diberi perlindungan istimewa dan tidak ada bahan pertanian asing dibenarkan diimport. Golongan peladang AS menjadi pelobi kuat negara itu, bukan saja sebagai pengundi tetapi penyumbang dana pilihan raya.

Sementara itu sektor industri pula ditanggung oleh tenaga minyak yang diperolehi dari Asia Barat.

Dengan lebih hasilan pertanian ini, kini ia menjadi senjata untuk AS menguasai dunia. Tetapi bagaimana hendak mengeksport keluaran pertanian itu jika ia dihalang oleh negara-negara asing.

Maka digubalkan satu fahaman yang dikatakan boleh memberikan kemakmuran kepada dunia. Berlandaskan penguasaan fahaman ekonomi yang dapat dise-

barkan ke seluruh dunia, maka dikatakan perdagangan bebas akan memberikan keuntungan kepada semua. Inilah dia gagasan liberalisasi, globalisasi dan persetujuan perdagangan bebas (FTA) menjadi caranya.

Atas nama ideologi ini, Malaysia turut menyertainya dan akan sampai beras AS di tanah air kita ini.

Pada masa ini beras tempatan juga dicabar oleh beras siam yang jauh lebih sedap dan murah. Atas nama kepentingan strategik, penanam padi diberi subsidi.

Tetapi andai kata benar-benar ikut fahaman perdagangan bebas yang diajukan oleh AS, kerajaan tidak boleh beri subsidi lagi. Bayangkan beras Malaysia bersaing dengan AS yang jauh lebih murah, maka akhirnya tidak ada lagi penanam padi di negara ini.

Maka rakyat Malaysia akan makan nasi daripada beras AS seperti mana kita makan roti, soya dan oat. Nampak tidak mendatangkan masalah.

Maka bergantunglah Malaysia ke atas bekalan makanan beras dari AS. Akhirnya rakyat negara ini pun kehilangan kemahiran menanam padi. Pastinya dunia telah dikuasai AS sepenuhnya.

Penjajahan tidak terasa pun bermula.

**- BURHANUDDIN ISHAK,  
Gombak, Selangor**

Kirim pendapat anda melalui e-mel: [pendapat@utusan.com.my](mailto:pendapat@utusan.com.my)